

## **JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang merupakan anak jati Negeri Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan untuk memohon kekosongan jawatan di Yayasan Perak seperti berikut: -

1. Jawatan : **Pegawai Audit Dalam Gred W41**
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
3. Taraf Jawatan : Kontrak/ Tetap
4. Gaji : Berdasarkan pengalaman dan kelayakan

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM 2,094.00	RM 9,585.00	RM225.00

5. Kemahiran :
  - i) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam Audit Dalam.
  - ii) Perancangan dan Pelaksanaan Audit: Merancang, menyelaras dan melaksanakan audit dalaman (kewangan, pematuhan, operasi dan pengurusan risiko).
  - iii) Penilaian Kawalan Dalaman: Menilai keberkesanan sistem kawalan dalaman organisasi serta mengenal pasti kelemahan dan mengesyorkan penambahbaikan.
  - iv) Laporan dan Tindakan Susulan: Menyediakan Laporan Audit Dalam lengkap dengan penemuan, cadangan pembetulan dan pelan tindakan.
  - v) Pematuhan dan Tadbir Urus: Memastikan organisasi mematuhi dasar kewangan, undang-undang dan pekeliling yang berkuat kuasa serta memberi nasihat audit kepada pengurusan bagi meningkatkan kecekapan operasi.
  - vi) Pematuhan Integriti: Merancang, melaksana dan memantau dasar integriti organisasi dengan memastikan pematuhan undang-undang, peraturan, prosedur serta garis panduan yang ditetapkan.

vii) Pengurusan Risiko dan Aduan: Mengurus dan menyasat aduan berkaitan salah laku, penyelewengan, pelanggaran tatakelakuan atau etika kerja serta memantau kepatuhan terhadap Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) jika berkenaan.

viii) Pendidikan dan Kesedaran Integriti: Melaksanakan program kesedaran, latihan dan kempen integriti kepada kakitangan. Menjadi pusat rujukan berkaitan etika kerja dan integriti organisasi.

6. Deskripsi Tugas : Berperanan penting dalam memastikan kawalan dalaman, kewangan dan operasi organisasi berjalan dengan telus dan berkesan.

7. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak lebih daripada 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan/ Kewangan/ Audit atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

8. Tarikh Tutup Iklan : **6 April 2026 (Isnin)**

9. Calon-calun yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap dengan menyertakan salinan kad pengenalan, salinan sijil SPM, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda, resume beserta sekeping gambar berukuran pasport. Calon juga perlu melengkapkan borang jawatan kosong dan menghantar permohonan tersebut melalui e-mel ke [sumbermanusia@yayasanperak.com.my](mailto:sumbermanusia@yayasanperak.com.my) atau melalui pos ke alamat seperti berikut:

**Unit Sumber Manusia  
Yayasan Perak  
Tingkat 1, Wisma Yayasan Perak,  
No. 111, Jalan Sultan Idris Shah,  
30000 Ipoh,  
Perak**

10. Catatan :

- a) Hanya calon-calun yang terpilih dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- b) Jika sekiranya calon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh tutup iklan, calon dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- c) Keputusan temuduga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

**Tarikh : 6 Mac 2026 (Jumaat)**